Dorongan ibu bapa suntik semangat anak masuk IPT

UB 15.02.2012 BY

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

AZWARNI

GALAKAN dan dorongan daripada ibu bapa adalah faktor paling penting dalam menyuntik semangat anak-anak untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Keghairahan anak-anak untuk meneruskan pelajaran selepas sekolah menengah perlu dinilai dari aspek yang positif.

Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Azwarni Herni Che Noh berkata, keprihatinan ibu bapa dalam hal ini amat membantu serta mendorong anak-anak untuk menempatkan diri di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Justeru, selaras dengan matlamat berkenaan, setiap tahun pihaknya menganjurkan Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) bagi menarik minat pelajar untuk memasuki IPT.

Menurutnya, sejak dilancarkan karnival sempena Program Jom masuk U itu bukan sahaja dapat menarik perhatian pelajar dan guru, malah ibu bapa juga semakin ramai yang menunjukkan minat dengan KPTN.

"Kita lihat penglibatan ibu bapa semakin meningkat untuk turut serta bersama anak-anak menyertai KPTN.

"Ini satu perkembangan yang sangat baik kerana peranan yang dimainkan mereka adalah faktor utama yang membawa keyakinan anak-anak menyambung pelajaran ke IPT," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Borneo* ketika ditemui pada KPTN 2012 Zon Sabah di Suria Sabah Sabtu lepas.

Karnival yang dianjurkan pada 11 dan 12 Februari itu adalah kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang melibatkan lebih 20 buah IPT Awam dan Swasta (IPTA/S) seluruh negara serta Politeknik, Institut Latihan Kemahiran, dan beberapa agensi pembiayaan seperti Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Azwarni berkata, Sabah adalah negeri keempat penganjuran KPTN dijalankan selepas Pahang, Terengganu dan Kedah.

Katanya, sebagai program tahunan KPT, karnival itu bertujuan mengumpulkan semua IPT dan institut latihan kemahiran dari seluruh negara untuk mengadakan promosi.

"Ini adalah kali kelapan ia dianjurkan di Sabah dan kali ketiga menggunakan lokasi yang sama di Suria Sabah.

"Setiap tahun kita mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutamanya daripada pelajar-pelajar sekolah," katanya.

Tambahnya, melalui KPTN para pengunjung boleh memperolehi pelbagai maklumat dari setiap IPT secara terus daripada pegawai masing-masing.

Justeru jelasnya, ia memudahkan semua orang kerana setiap maklumat yang disediakan terperinci dan sistematik.

Di Sabah, pihaknya mensasarkan seramai 20,000 pengunjung dan berdasarkan dari pengalaman penganjuran yang lepas, negeri ini semakin menunjukkan peningkatan jumlah pengunjung.

"Sambutan di seluruh negara memang sangat menggalakkan dan di luar jangkaan seperti di Kuantan pengunjung menjayakan KPTN di sana.

"Hasil pemerhatian kami turut mendapati, penglibatan ibu bapa semakin meningkat dan ini membantu kami mencapai objektif KPTN," katanya.

Beliau turut berharap, dengan adanya karnival seumpama itu, ia dapat meningkatkan kesedaran masyarakat setempat dalam menggalakkan serta mendorong para pelajar untuk memasuki IPT.

Bagi Mohd Khairul Jumadi, 19, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Madai, Kunak ini, suasana kemeriahan karnival itu menyuntik semangat yang tinggi untuknya menyambung pelajaran ke IPT.

Menurutnya, di sinilah peluang bagi semua pelajar memperolehi semua maklumat terutamanya IPT yang menjadi pilihan masing-masing.

"Saya berhasrat untuk belajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan sebelum ini beberapa orang ahli keluarga saya pernah belajar di sana.

"Justeru, saya banyak berkongsi maklumat mengenai UMS daripada mereka. Selain itu, lokasinya yang dekat juga antara faktor saya memilih UMS sebagai gedung untuk meneruskan pengajian nanti," katanya yang bercita-cita untuk menjadi jurutera ini.

Namun begitu, sekiranya mendapat peluang belajar ke IPT di Semenanjung, dia pasti tidak akan melepaskannya asalkan hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke IPT tercapai.

Ng Li Juan, 19, berpendapat, dengan adanya penganjuran KPTN, para pelajar berpeluang mendapat pendedahan yang lebih terperinci mengenai IPT di seluruh negara.

Pelajar Sekolah Tinggi Kota Kinabalu (KKHS), Penampang ini juga berkongsi impian yang sama seperti Khairul untuk menyambung pelajaran ke UMS.

"UMS adalah universiti yang terkenal di negeri ini, jadi sebagai anak jati Sabah, ia adalah peluang yang baik untuk menempatkan diri sebagai pelajar di UMS.

"Ibu bapa dan guru-guru juga banyak memberi dorongan dan nasihat terutamanya dalam memlilih IPT terbaik untuk menyambung pelajaran," katanya yang bercita-cita untuk menjadi ahli perniagaan ini.

Mengambil jurusan ekonomi, ini adalah kali kedua Ng menyertai karnival itu dan banyak pendedahan yang diperolehinya bersama rakan-rakan yang lain.

Kesempatan mengunjungi karnival ini turut dikongsi bersama dengan salah soerang guru daripada SMK Benoni, Papar iaitu Janet Jequiline Jolly Tinjol.

Menurutnya, usaha pihak KPT dan KPM mengadakan KPTN sememangnya banyak membantu para pelajar untuk memilih IPT yang terbaik.

"Sekarang ini, masalah kewangan bukan lagi menjadi faktor yang menghalang pelajar menyambung pelajaran ke IPT.

"Ini kerana, banyak bantuan dan biasiswa disediakan sebagai pembuka jalan dan menggalakkan mereka untuk belajar di IPT," katanya.

Katanya, pelajar sekarang sangat bertuah kerana mendapat banyak peluang serta pendedahan seperti ini.

Sehubungan itu katanya, mereka tidak sepatutnya melepaskan setiap peluang yang ada ini dan berusaha bersungguh-sunguh untuk cemerlang dalam pelajaran.

Beliau berkata, sokongan ibu bapa juga banyak menyedarkan para pelajar tentang pentingnya melanjutkan pelajaran ke IPT.

"Melalui karnival ini sahaja mereka sudah memperolehi banyak pendedahan dan maklumat dari pelbagai aspek.

"Tidak seperti dahulu yang mana pelajar perlu berusaha sendiri mencari maklumat dan kadang-kadang terpaksa melupakan hasrat untuk ke IPT kerana ketinggalan informasi," katanya.

Janet yang mengajar subjek Pengajian Perniagaan ini berkata, bagi pelajar sekolahnya, karnival ini banyak membantu meningkatkan peratusan pelajar memasuki IPT.

Tambahnya, respon para pelajar juga semakin menggalakkan dan mereka sendiri tahu mana satu IPT yang sesuai dengan minat serta bidang yang mereka ingin ceburi.

KAUNTER UMS yang dipenuhi dengan pengunjung.

KUMPULAN pelajar ini khusyuk mendengar penjelasan daripada salah seorang pegawai yang bertugas. (Gambar atas)

KALI kedua mengunjungi KPTN memberikan banyak maklumat kepada Ng (kanan) dan rakan yang lain. (Gambar kanan)

KHAIRUL (dua kanan) bersama rakan-rakannya daripada SMK Madai yang turut serta ke karnival itu. (Gambar kiri)



SALAH seorang pelajar ketika ditemubual oleh pengacara di karnival itu. (Gambar kanan)

JANET (dua kiri) sentiasa memberikan galakan kepada pelajarnya untuk memasuki IPT.

MAKLUMAT terperinci boleh diperolehi daripada kaunter setiap IPT.